

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

- (a) Pilih **perkataan antonim** yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Pilih dan tarik pilihan jawapan ke dalam petak jawapan.

labuh	pendek	mendung
bising	terik	kemarau

Contoh:

Cuaca pada pagi ini dijangkakan cerah hingga tengah hari.

mendung

- (i) Murid-murid di dalam kelas itu senyap ketika mendengar pengumuman guru bertugas.
- (ii) Musim tengkujuh melanda negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia mulai bulan November.
- (iii) Halimah memakai baju berlengan panjang untuk mengelakkan kesejukan pada malam hari.

[3 markah]

- (b) Pilih **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) Lagu-lagu patriotik dapat menimbulkan perasaan cinta akan negara.
- (ii) Kegagalan dalam pertandingan itu tidak mematah semangatnya untuk berusaha dengan lebih gigih.
- (iii) Kesedaran tentang keselamatan diri perlu dipertingkatkan untuk mengelakkan kemalangan di sekolah.

[3 markah]

Soalan 22

- (a) Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

telinga kualiti

pekak badak

akal kancil

ulat buku

(i) Ramli digelar _____ kerana selalu berada di perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran.

(ii) Pekerja binaan itu tidak menyahut panggilan penyeliaanya kerana dia _____.

[2 markah]

- (b) Pilih **BETUL** bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan, dan tandakan **SALAH** bagi pilihan jawapan yang salah.

(i) "Tolong berikan makanan kepada kucing itu," kata Liana kepada Zila.

Zila menolong Liana memberikan makanan kepada kucing itu.	
Liana meminta Zila memberikan makanan kepada kucing itu.	

(ii) "Murid-murid, acara sukaneka akan bermula pada pukul 8.00 pagi," kata Cikgu Fiona.

Cikgu Fiona memberitahu murid-muridnya bahawa acara sukaneka akan bermula pada pukul 8.00 pagi.	
Pada pukul 8.00 pagi, Cikgu Fiona memberitahu murid-muridnya bahawa acara sukaneka akan bermula.	

[2 markah]